



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 7 MAY 2019**

- 1. PETANI GUSAR BEKALAN BAJA LEWAT**
  - **SINAR HARIAN**
- 2. HARUMANIS Y.A JANGKA HASILKAN 200 METRIK TAN SETIAP MUSIM**
  - **UTUSAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 7 MAY 2019**

**PERKARA : PERTANIAN**

## Petani gusar bekalan baja lewat

JITRA - Kira-kira 68,000 petani dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di negeri Kedah/Perlis gusar apabila masih belum menerima baja untuk kegunaan sawah bagi musim 1/2019.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, **Che Ani Mat Zain** berkata, pengedaran baja sepatutnya telah dijalankan setelah banciaan baja dijalankan antara Februari dan Mac lalu.

Bagaimanapun, katanya lebih mengecewakan sehingga kini terdapat juga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang masih belum menjalankan banciaan baja di kawasan masing-masing.

"Jika banciaan pun belum dibuat, lagi lambatlah petani nak dapat bekalan baja malah ia akan mengganggu tumbesaran anak padi yang akhirnya menjejaskan pendapatan petani," katanya di sini semalam.

Menurutnya, ketika ini ramai petani di kawasan Mada sudah menjalankan kerja-kerja menabur benih padi.



**CHE ANI**

"Mengikut jadual yang dikeluarkan, selepas anak padi berusia 15 hari, petani perlu menabur baja untuk kali pertama, diikuti baja kedua selepas 30 hari dan baja ketiga selepas 45 hari.

"Jika masalah lewat ini tidak dipandang serius, saya yakin hasrat Mada untuk meningkatkan pendapatan petani sehingga 10 tan metrik sehektar akan gagal.

"Isu ini bukan sahaja mengurangkan pendapatan petani malah turut menjejaskan stok beras negara yang bergantung 40 peratus dari petani kawasan Mada," katanya.

Sementara itu, seorang petani, **Hussin Yaakob**, 46, berkata, dia kini dalam proses menabur benih padi di kawasan sawahnya.

"Tapi kami dapat tahu tarikh untuk banciaan baja adalah pada 11 Jun depan, sebulan lagi nak tunggu.

"Saya pun susah hati juga bilakah boleh tabur baja kalau banciaan baja pun lambat lagi," keluhnya.

*Sinar Harian 7 Mei 2019.*

## Harumanis Y.A jangka hasilkan 200 metrik tan setiap musim

**PADANG BESAR 6 Mei** - Koperasi Pengusaha Harumanis Y.A. (Harumanis Y.A) yang menaungi sekumpulan pengusaha ladang harumanis, dijangka dapat memasarkan sehingga 200 metrik tan buah ikon Perlis itu setiap musim mulai tahun ini.

Pengerusi, merangkap pengurus pusat jualan Harumanis Y.A, Mohd Asri Yusof berkata, anggota koperasi itu mempunyai lebih 17,000 pokok harumanis di Perlis utara meliputi Beseri, Titi Tinggi, Kaki Bukit dan Chuping.

"Sebatang pokok harumanis yang sihat boleh mengeluarkan 30 hingga 50 kilogram buah pada satu musim. Namun, ada yang rosak dan dicuri," katanya selepas menandatangani perjanjian



**TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL** diiringi Nurulhisham Yaakob (kanan) berkenan merasmikan laman sosial rasmi Y.A. Harumanis Maju di Padang Besar, Perlis, baru-baru ini. - BERNAMA

persefahaman (MoU) antara koperasi dengan anak syari-

katnya, Y.A Harumanis Maju di Kampung Baru, Panggas, Chu-

ping di sini baru-baru ini.

Y.A Harumanis Maju diwakili Muhammad Sallehudin Fadzil menandatangani MoU itu yang disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob.

Bersempena majlis MoU itu, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan merasmikan laman sosial rasmi Y.A Harumanis Maju yang boleh diakses menerusi [www.yaharumanis.com](http://www.yaharumanis.com), laman Facebook, Y.A. Harumanis MAJU dan Instagram, @yaharumanis maju.ent bagi memudahkan penggemar harumanis membuat tempahan secara dalam talian.

Mengikuti MoU itu Y.A Haru-

manis Maju yang berpangkalan di Kuala Lumpur akan membeli harumanis 100 metrik tan untuk dipasarkan di seluruh negara.

Mohd Asri berkata, Harumanis Y.A sendiri mempunyai hampir 200 ejen yang berdaftar dengannya dan membolehkan produk koperasi itu dapat didaraskan dengan lebih meluas kepada pelanggan-pelanggannya.

"Kami juga menghantar contoh buah melalui sebuah syarikat untuk tujuan eksport ke Bahrain dan Hong Kong," katanya.

Katanya, pokok milik anggota koperasi diselia dengan teliti supaya menghasilkan buah berkualiti tinggi bagi mencapai tahap atau kualiti eksport. -BER-

NAMA